



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT KAMPUS SEGAMAT JOHOR

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAFIE BIN JUSOH
MENGENAI PENGALAMAN BELIAU DALAM BIDANG KRAF WAU

CHE NURDIYANA BT CHE HASSIM (2012379933)

NUR FARAH WAHIDA BT MOHD ASERI (2012776085)

PROJEK DIMAJUKAN KEPADA FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, SEGAMAT BAGI MEMENUHI KEPERLUAN
KURSUS IMR 604 : DOKUMENTASI SEJARAH LISAN

SEMESTER 05 (MAC 2014-JULAI 2014)

ISI KANDUNGAN

BIL.	TAJUK	MUKA SURAT
1.	PENGHARGAAN	ii
2.	1.0 ABSTRAK	1
3.	2.0 PENGENALAN	2-3
4.	3.0 TRANSKRIP WAWANCARA	4-80
5.	4.0 LOG WAWANCARA	81-121
6.	5.0 BIODATA TOKOH	122-123
7.	6.0 SENARAI SOALAN WAWANCARA	124-132
8.	SENARAI RUJUKAN	-
9.	LAMPIRAN	-
10.	DIARI PENYELIDIKAN	-
11.	INDEK	-

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t. Terlebih dahulu kami ingin memanjatkan kesyukuran kami kepada Allah S.W.T kerana memberi kami limpah dan kurnia serta kekuatan dalam menyiapkan tugas temubual bersama Encik Shafie bin Jusoh, seorang Tokoh Adiguru Kraf Wau yang juga merupakan pembuat wau yang terkenal di Kelantan. Jutaan terima kasih juga kami tujukan kepada Encik Shafie bin Jusoh kerana sudi meluangkan masa untuk ditemubual serta kerjasama yang tulus diberikan kepada kami. Tanpa kerjasama Encik Shafie bin Jusoh, mungkin kami tidak dapat menyiapkan wawancara dan penyelidikan ini dengan sempurna. Kami juga ingin mengucapkan sejuta penghargaan kepada Encik Mohd Faizal bin Mohd Ramsi, pensyarah bagi subjek Dokumentasi Lisan (IMR604) kami di atas tunjuk ajar dan nasihat yang telah diberikan dalam menyiapkan tugas ini dengan sempurna. Tanpa tunjuk ajar dari beliau, sudah tentu proses penyiapan tugas ini tidak berjalan lancar dan hasilnya tidak begitu sempurna. Selain itu, kami ingin juga menyampaikan jutaan terima kasih kepada kawan-kawan dan keluarga yang menyokong serta membantu kami dari belakang. Mereka juga adalah tulang belakang yang memberi sokongan yang padu kepada kami. Galakan dan pendapat mereka amat berguna kepada kami untuk diaplikasikan dalam tugas ini. Alhamdulillah.

Sekian, terima kasih.

Wassalam.

1.0 ABSTRAK

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PEMBUAT WAU, ENCIK SHAFIE BIN JUSOH MENGENAI PENGALAMAN BELIAU DALAM BIDANG KRAF WAU

ABSTRAK : *Temubual bersama Encik Shafie bin Jusoh, pembuat wau. Kami telah menebual beliau pada 25 Mei 2014 bertempat di Galeri beliau yang berdekatan dengan balai polis Badang, Pantai Cahaya Bulan, Kota Bharu, Kelantan. Temubual kami bermula pada pukul 11.00 pagi. Kami telah menebual beliau tentang pengalaman beliau dalam bidang kraf wau yang diceburinya sejak 48 tahun yang lalu. Beliau berharap agar kraf wau ini dapat berkembang lagi pada masa akan datang dan tidak luput ditelan zaman. Bagi beliau wau mempunyai keunikan yang tersendiri yang sukar digambarkan dengan kata-kata. Beliau juga telah dilantik sebagai adiguru kraf wau pada tahun 2009.*

KATA KUNCI: *Encik Shafie bin Jusoh, Pembuat wau di Kelantan, Sejarah wau, Kraf tangan Malaysia, Kesenian dan Kebudayaan di Malaysia.*

2.0 PENGENALAN

Dalam pengertian yang paling umum, kebudayaan merupakan seluruh cara hidup sesuatu masyarakat atau seluruh aspek pemikiran dan tingkahlaku manusia yang diwarisi dari satu generasi ke generasi yang lain melalui proses pembelajaran.

Tetapi dalam pertuturan sehari-hari, kebanyakan daripada kita membuat pengertian kebudayaan atau mengaitkan dengan fenomena-fenomena seperti bentuk tarian dan muzik, makanan, fesyen pakaian sahaja. Jadi pengertian di sini adalah terlalu sempit dan terhad. Tetapi bagi ahli sains sosial, pengertian kepada konsep kebudayaan ini lebih luas.

Dari perspektif sosiologi kebudayaan membawa pengertian segala hasil dan idea yang dipelajari dan dikongsi oleh ahli-ahli dalam sebuah masyarakat. Ini termasuklah segala kepercayaan, nilai-nilai politik, adat resam, undang-undang, moral, institusi sosial, seni lukis, bahasa dan bahan-bahan.

Edward B. Taylor telah memberi satu takrif yang klasik mengenai konsep kebudayaan. *"kebudayaan merupakan satu keseluruhan yang kompleks yang mengandungi ilmu pengetahuan, kepercayaan, kesenian, kesusilaan, undang-undang, adat resam dan lain-lain kebolehan serta kebiasaan yang diperolehi oleh manusia sebagai anggota masyarakat."*

SEJARAH WAU

Nama lain bagi wau adalah layang-layang. Perkataan "wau" ini dikatakan berasal dari perkataan Thailand memandangkan negeri seperti Kelantan, Terengganu, Perlis dan Kedah menggunakan perkataan tersebut. Kaum yang mempopularkan permainan wau ialah kaum Melayu dan Siam yang ramai tinggal di negeri tersebut. Perkataan layang-layang pula digunakan di kebanyakan negeri-negeri seperti di Pantai Barat dan Selatan Semenanjung Malaysia seperti Selangor, Melaka dan